

**Rang Undang-undang Perhimpunan Aman Tepat, Mampu Bendung Demonstrasi
Jalanan
Bernama
24 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Pembentangan Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011 adalah tepat kerana dapat membendung demonstrasi jalanan yang hanya akan menyusahkan orang ramai, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata jika dahulu orang ramai 'disekat' berdasarkan Seksyen 27 Akta Polis 1967 untuk mengadakan sebarang perhimpunan, kewujudan undang-undang itu dilihat lebih memberi kebebasan kepada mereka.

"Dengan adanya akta baru ini, bukan sahaja tiada sekatan kepada perhimpunan, malah kita lihat ada lokasi-lokasi tertentu (perhimpunan) yang tidak menjejaskan ketenteraman awam dan tidak perlu memberi notis pun," katanya.

Hishammuddin yang juga Naib Presiden Umno berkata demikian dalam sidang media khas sempena Perhimpunan Agung Umno 2011 yang akan diadakan minggu depan, di sini Khamis.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini membentangkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 di Dewan Rakyat yang antara lain menjelaskan keperluan untuk mendapatkan lesen perhimpunan akan dihapuskan.

Rang undang-undang itu bertujuan untuk memastikan semua warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu demi kepentingan, keselamatan dan ketenteraman awam seperti yang termaktub dalam Fasal 2 Perkara 10.

Hishammuddin turut menegaskan bahawa keselamatan awam adalah elemen penting yang diambil kira ketika menggubal dan sekaligus menguatkuasakan undang-undang.

Mengulas Program Transformasi Politik (PTP) fasa kedua melalui pembatalan tiga Proklamasi Darurat seperti dibentangkan Najib hari ini, beliau berkata ia dilaksanakan dengan mengambil kira 'landskap' dalam dan luar negara dan bukanlah perubahan yang dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa.

Katanya pelaksanaan program itu merupakan perubahan ke arah mengimbangi kepentingan yang lebih besar melibatkan keselamatan negara bersesuaian dengan keadaan semasa.

"Contoh dalam konteks perbentangan akta-akta keselamatan. Kita dapat tengok Akta Kediaman Terhadap 1933 (dikaji), Banishment Act 1959 (dimansuhkan), pemansuhan tiga proklamasi darurat dan pembebasan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Ia merupakan satu proses dan tidak boleh dilakukan dengan sekelip mata. Kita melakukan perubahan untuk menjadi lebih baik, dan saya fikir rakyat akan dapat lihat apabila tiba masanya," kata beliau.

Pada 15 Sept lalu, Perdana Menteri dalam perutusan khas Hari Malaysia sempena sambutan Hari Malaysia 2011 mengumumkan pemansuhan ISA dan Akta Buang Negeri 1959 serta mengkaji semula Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Seksyen 27 Akta Polis 1967 yang mengambil kira Perkara 10 Perlembagaan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Hasan Malek berkata pembentangan Rang Undang-Undang itu adalah bertepatan pada masanya.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku di luar negara seperti demonstrasi Mesir terjadi di negara ini. Rang undang-undang itu kelak bakal memberi kebebasan kepada masyarakat tetapi ada had yang perlu dipatuhi.

"Jadi bila boleh berhimpun secara aman di tempat yang dikhaskan, ramai orang yang akan bersetuju kerana ia tidak akan menjejaskan perniagaan dan ketenteraman orang awam," katanya kepada Bernama di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629641>